

**HUBUNGAN ANTARA TINGKAH LAKU TEGAS DIRI
DENGAN TEKANAN DALAM KALANGAN IBU TUNGGAL
BEKERJA YANG BERDAFTAR DI PERTUBUHAN IBU
TUNGGAL C.A.R.E NEGERI JOHOR**

SITI NUR ZAKIRAH BINTI MOHD HASHIM

**Disertasi ini dikemukakan sebagai memenuhi
sebahagian daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Sains (Pembangunan Sumber Manusia)**

**Fakulti Pengurusan
Universiti Teknologi Malaysia**

JULAI 2014

DEDIKASI

Kesyukuran ini ku panjatkan untukMu....

... Ya Allah, tiadalah yang mudah melainkan yang Engkau jadikannya, mudah dan Engkaulah yang menjadikan kesukaran itu mudah bila sahaja Engkau kehendaki

..... Ya Allah jadikanlah aku redha dengan penentuan Mu dan berilah keberkatan kepadaku pada perkara-perkara yang ditetapkan bagiku agar aku tidak suka mengkehendaki sesuatu yang Engkau lambatkan, serta tidak pula suka melambatkan sesuatu yang Engkau segerakan....

..... Sesungguhnya aku redha dan bersyukur di atas segala ketentuanMu Ya Allah....

PENGHARGAAN

“Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani”

Alhamdulillah, segala pujian bagi Allah s.w.t, Tuhan Semesta Alam yang telah memberikan hidayah dan kudrat dalam menyiapkan tesis ini. Selawat dan Salam kepada junjungan besar nabi Muhammad s.a.w. Pertama sekali saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada penyelia saya iaitu Dr. Haji Hamdan B. Abd. Kadir, di atas segala tunjuk ajar, nasihat, bimbingan, teguran yang membina dan kesabaran di sepanjang tempoh penulisan tesis ini.

Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada suami saya Irwandy Mohamad kerana sentiasa menyokong dan memberi semangat kepada saya untuk menyiapkan tesis ini. Anak saya Muhammad Rizq Aryan Bin Irwandy. Tidak lupa juga buat keluarga saya terutamanya ayahanda Mohd Hashim B. Mohd Noor dan bonda Norizam Bt Abdullah yang amat disayangi dan dicintai kerana sentiasa menyokong saya dari belakang dengan memberikan suntikan semangat dan bantuan dari segi kewangan dan logistik di sepanjang menyiapkan tesis ini. Tidak lupa juga kepada adik beradik saya.

Akhir kata, saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih para responden dan buat insan-insan yang terlibat secara langsung dan tidak langsung yang telah memberikan kerjasama dan membantu dalam proses menyiapkan tesis ini. Jasa anda semua tidak akan dilupakan. Sekian.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk melihat hubungan tingkah laku tegas diri dengan tekanan dalam kalangan ibu tunggal bekerja yang berdaftar di Pertubuhan Ibu tunggal C.A.R.E Negeri Johor. Kajian ini melibatkan responden seramai 297 orang ibu tunggal bekerja dan mereka telah dipilih secara rawak mudah sebagai responden kajian ini. Kajian ini adalah berbentuk kuantitatif dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Borang Soal Selidik Asertif Rathus (1973) digunakan bagi mengukur tingkah laku asertif, sementara Borang Soal Selidik Tekanan Robbins (2001) digunakan untuk mengukur tekanan. Data yang terkumpul dianalisis menggunakan *Statistical Package for the Social Science (SPSS) Versi 19.0*. Statistik deskriptif telah digunakan untuk melihat dan mengenalpasti tahap tingkah laku tegas diri dan juga tekanan. Manakala, statistik inferensi adalah untuk melihat dan mengenalpasti hubungan dimensi-dimensi tingkah laku tegas diri dengan tekanan dan juga untuk mengenalpasti hubungan tingkahlaku tegas diri dengan dimensi-dimensi tekanan. Dapatan kajian menunjukkan tahap tingkah laku tegas diri para golongan ibu tunggal yang bekerja adalah berada pada tahap yang sederhana. Manakala, tahap tekanan bagi golongan ibu tunggal yang bekerja ini adalah pada tahap yang tinggi. Analisis Korelasi Pearson menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan secara positif pada tahap yang rendah di antara tingkah laku tegas diri dengan tekanan. Manakala Analisis Regresi Pelbagai Piawai pula menunjukkan bahawa dimensi tingkah laku tegas diri, Keupayaan Untuk Menghormati (KH) adalah yang paling dominan dalam mempengaruhi tekanan dalam kalangan ibu tunggal yang bekerja.

ABSTRACT

This study aims to examine the relationship between assertive behavior and stress among working single mothers who are registered under Johor's Single Mother Organization C.A.R.E. This study involves a total of 297 working single mothers and they were chosen randomly as the respondents for this research. This is a quantitative study and questionnaire was used as an instrument. Rathus Assertive Questionnaire (1973) was used to measure assertive behavior, while Robbins' Stress Questionnaire (2001) was used to measure stress. The collected data were analyzed using the Statistical Package for the Social Science (SPSS) Version 19.0. The descriptive statistics method are used to identify the level of assertiveness and stress while the inferential statistics are used to identify the relations between dimensions of assertiveness and Stress, and to identify the relations between assertiveness and dimensions of stress. Findings indicated that the level of assertive behavior among working single mother in Johor's State is moderate. Meanwhile, the level of stress among working single mother in Johor's State is high. Pearson correlation analysis showed a significant positive relationship at low levels of assertive behavior with stress. Meanwhile, the Standard Multiple Regression Analysis showed that the dimension of assertive behavior, the Ability to Respect (KH) is the most dominant in influencing stress among working single mother.

SENARAI KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	JUDUL	i
	PENGAKUAN PELAJAR	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	ISI KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI RAJAH	xiii
	DAFTAR SINGKATAN	xiv
	SENARAI LAMPIRAN	xv
1	PENDAHULUAN	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Kajian	6
	1.3 Penyataan Masalah Kajian	17
	1.4 Persoalan Kajian	24
	1.5 Matlamat Kajian	25
	1.6 Objektif Kajian	25

1.7	Hipotesis Kajian	26
1.8	Skop Kajian	27
1.9	Batasan Kajian	28
1.10	Kepentingan Kajian	28
1.11	Definisi Konseptual	30
1.11.1	Tingkah Laku Tegas Diri	30
1.11.2	Tekanan	31
1.11.3	Ibu Tunggal Bekerja	32
1.12	Definisi Operasional	33
1.12.1	Tingkah Laku Tegas Diri	34
1.12.2	Tekanan	36
1.12.3	Ibu Tunggal Bekerja	37
1.13	Rumusan	37
2	TINJAUAN LITERATUR	
2.1	Pengenalan	38
2.2	Teori-teori dan Model-model	38
2.2.1	Teori Tingkah Laku Tegas Diri	39
2.2.1.1	Perlakuan Tegas Diri	39
2.2.1.2	Undang-undang Tegas Diri DESC	40
2.2.1.3	Strategi Tegas Diri	42
2.2.1.4	Kitaran Tegas Diri	43
2.2.1.5	Konsep Hak dalam Tegas Diri	44
2.2.1.6	Kedudukan Tingkah Laku Manusia	47
2.2.2	Pemilihan teori/model dalam kajian	50
2.2.3	Teori dan Model Tekanan	50
2.2.2.1	Model Tekanan Kerja Cooper	50
2.2.2.2	Model Tekanan Robbins	54
2.2.2.3	Model Punca Tekanan Kerja	56
2.2.4	Pemilihan teori/model dalam kajian	62
2.3	Kerangka Kerja Konseptual	62

2.4	Kajian-kajian Lepas Dalam dan Luar Negara	64
2.4.1	Kajian Lepas Dalam Negara	64
2.4.1.1	Tingkh laku Tegas Diri	64
2.4.1.2	Tekanan	67
2.4.2	Kajian Lepas Luar Negara	89
2.4.2.1	Tingkh laku Tegas Diri	89
2.4.2.2	Tekanan	71
2.5	Rumusan	72
3	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pengenalan	74
3.2	Reka Bentuk Kajian	75
3.3	Pembolehubah Kajian	76
3.3.1	Pemboleh Ubah Bebas	76
3.3.2	Pemboleh Ubah Bersandar	77
3.4	Lokasi Kajian	77
3.5	Populasi dan Persampelan.	78
3.6	Sampel Kajian	78
3.7	Data	80
3.7.1	Data Primer	80
3.8	Kaedah Pengumpulan Data	81
3.8.1	Soal Selidik	82
3.8.1.1	Bahagian A: Latar Belakang Responden	83
3.8.1.2	Bahagian B: Soal Selidik Tegas Diri Rathus	83
3.8.1.3	Bahagian C: Soal Selidik Tekanan Robbins (2001)	87
3.9	Kebolehpercayaan dan Kesahan Instrumen Kajian	89
3.10	Kebolehpercayaan Alat Kajian	90
3.10.1	Mengukur Kebolehpercayaan Uji dan Uji Semula	91

3.11	Kesahan Soal Selidik	92
3.12	Kajian Rintis	94
3.13	Analisis Data	96
3.13.1	Analisis Deskriptif	97
3.13.1.1	Mengenalpasti Latar Belakang Responden	97
3.13.1.2	Mengenalpasti Tahap Tingkahlaku Tegas Diri dan Tahap Tekanan Dalam Kalangan Ibu Tunggal Yang Bekerja	98
3.13.2	Analisis Inferensi	100
3.13.2.1	Mengenalpasti Hubungan di antara Dimensi-dimensi Tingkah Laku Tegas Diri dengan Tekanan Dalam Kalangan Ibu Tunggal Yang Bekerja	100
3.13.2.2	Mengenalpasti Hubungan di antara Tingkah Laku Tegas Diri dengan Dimensi-Dimensi Tekanan Dalam Kalangan Ibu Tunggal Yang Bekerja	100
3.13.2.3	Mengenalpasti Dimensi Tingkah Laku Tegas Diri yang Paling Dominan Mempengaruhi Tekanan Dalam Kalangan Ibu Tunggal Yang Bekerja	101
3.14	Rumusan	103
4	DAPATAN KAJIAN	
4.1	Pengenalan	104
4.2	Analisa Maklumat Demografi Responden	104
4.2.1	Status	105

4.2.2 Bangsa	106
4.2.3 Umur	107
4.2.4 Kelayakkan Akademik	108
4.2.5 Pendapatan Bulanan	109
4.2.6 Bilangan Tanggungan	111
4.2.7 Jenis Pekerjaan	112
4.3 Analisa Tahap Tingkah Laku Tegas Diri	113
4.4 Analisa Tahap Tekanan	114
4.5 Analisa Hubungan Tingkah Laku Tegas Diri Dengan Tekanan Secara Keseluruhan	115
4.6 Analisa Hubungan Dimensi-Dimensi Tingkah Laku Tegas Diri Dengan Tekanan	116
4.7 Analisa Hubungan Tingkah Laku Tegas Diri Dengan Dimensi-Dimensi Tekanan	118
4.8 Analisa Dimensi Tingkah Laku Tegas Diri Yang Paling Dominan Mempengaruhi Tekanan	119
4.9 Rumusan	121
5 PERBINCANGAN, CADANGAN, DAN KESIMPULAN	
5.1 Pengenalan	124
5.2 Perbincangan dapatan kajian	125
5.2.1 Perbincangan Objektif Pertama Kajian	126
5.2.2 Perbincangan Objektif Kedua Kajian	130
5.2.3 Perbincangan Objektif Ketiga Kajian	132
5.2.4 Perbincangan Objektif Keempat Kajian	134
5.2.5 Perbincangan Objektif Kelima Kajian	135
5.3 Cadangan	139
5.3.1 Cadangan kepada Organisasi	139
5.3.2 Cadangan kepada Badan-badan Pertubuhan Ibu Tunggal	141
5.3.3 Cadangan untuk kajian masa hadapan	144

5.4 Kesimpulan	146
BIBLIOGRAFI	147
LAMPIRAN A	154
LAMPIRAN B	160

SENARAI JADUAL

NO JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
BAB 1		
1.1	Jumlah Ibu Tunggal di Negeri Johor Bagi Setiap Daerah	12
1.2	Jumlah Ibu Tunggal Mengikut Umur Di Johor Bharu	13
1.3	Faktor Penyebab Terjadinya Kes Ibu Tunggal Di Johor Bharu	14
1.4	Jenis dan Bilangan Kes Sosial Ibu Tunggal yang Bekerja	18
1.5	Dimensi-dimensi Tingkahlaku Tegas Diri	34
BAB 2		
2.1	Jadual Undang-undang Tegas Diri DESC	41
2.2	Jadual Model Punca Tekanan Kerja	56
BAB 3		
3.1	Statistik Ibu Tunggal yang Bekerja	79
3.2	Kandungan Borang Soal Selidik	83
3.3	Pengkelasan Item Positif dan Negatif	85
3.4	Skala Likert Soal Selidik Tegas Diri Rathus (1973)	86

3.5	Skor Soalan Positif dan Negatif Soal Selidik Tegas Diri Rathus (1973)	87
3.6	Pecahan Iterm Bagi Setiap Dimensi Tekanan	88
3.7	Skala Likert Soal Selidik Tekanan	88
3.8	Julat Pekali Alfa	89
3.9	Keputusan Analisa Alpha Croancbach ke atas Item	91
3.10	Keputusan Analisis Alpha Croanbach ke atas item (uji dan uji semula)	92
3.11	Senarai Komuniti bagi Mengukur Kesahan Instrumen Kajian	93
3.12	Jadual Dapatan Ujian Kajian Rintis	95
3.13	Skor Tahap Tingkah Laku Tegas Diri	98
3.14	Skor Tahap Tekanan	99
3.15	Interpretasi Nilai Pekali Kolerasi Pearson	101
3.16	Ringkasan Kaedah Analisis Statistik Data Kajian	102
 BAB 4		
4.1	Taburan Keperapan Status Responden	105
4.2	Taburan Keperapan Bangsa Responden	106
4.3	Taburan Keperapan Umur Responden	107
4.4	Taburan Keperapan Kelayakkan Akademik Responden	108
4.5	Taburan Keperapan Pendapatan Bulanan Responden	109
4.6	Taburan Keperapan Bilangan Tanggungan Responden	111
4.7	Taburan Keperapan Jenis Pekerjaan Responden	112
4.8	Analisa Tahap Tingkah Laku Tegas Diri	113
4.9	Analisa Tahap Tekanan	114
4.10	Taburan Dapatan Hubungan Tingkah Laku Tegas Diri dengan Tekanan secara keseluruhan	115
4.11	Taburan Dapatan Hubungan Dimensi-dimensi Tingkah Laku Tegas Diri dengan Tekanan	116
4.12	Taburan Dapatan Hubungan Tingkah Laku Tegas Diri dengan Dimensi-dimensi Tekanan	118

4.13	Penilaian Model Regrresi Pelbagai Piawai Tingkah laku Tegas Diri dengan Tekanan: <i>Model Summary</i>	119
	Penilaian Dimensi-dimensi Tingkah Laku tegas Diri Yang	
4.14	Paling Dominan Mempengaruhi Tekanan: <i>Coefficients</i>	120

SENARAI RAJAH

NO	TAJUK	MUKA SURAT
BAB 2		
2.1	Model Tegas Diri J. Pronovost	42
2.2	Kitaran Tegas Diri	43
2.3	Kedudukan Tingkah Laku Manusia	47
2.4	Model Tekanan Cooper (1998)	51
2.5	Model Tekanan Robbins (2001)	55
2.6	Kerangka Kerja Konseptual	63
BAB 3		
3.1	Pengiraan Kelas Tahap Tingkah Laku Tegas Diri	98
3.2	Pengiraan Kelas Tahap Tekanan	99
BAB 4		
4.1	Carta Pai bagi Status Responden	105
4.2	Carta Pai bagi Bangsa Responden	106
4.3	Carta Bar Bagi Umur Responden	107

4.4	Carta Pai Bagi Kelayakkan Akademik Responden	108
4.5	Carta Pai Bagi Pendapatan Bulanan Responden	110
4.6	Carta Pai Bagi Bilangan Tanggungan Responden	111
4.7	Carta Bar Bagi Jenis Pekerjaan Responden	112

DAFTAR SINGKATAN

SINGKATAN	HURAIAN
Ho	Hipotesis
α	Alpha Croanbach
SPSS	Stastical Package for Social Science
SAR	Soal Selidik Tegas Diri Ratus

SENARAI LAMPIRAN

NO	TAJUK	MUKA SURAT
A	Borang Soal Selidik	154
B	Jadual Penentuan Saiz Sampel	160

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Keluarga ibu tunggal sering dianggap oleh masyarakat sebagai sebuah keluarga yang *abnormal* atau *dysfunctional* atau keluarga *handicap*. Hal ini kerana, keluarga tersebut diketuai oleh ibu sahaja tanpa ada sokongan dari pihak bapa. Dalam erti kata lain, Azizi (2008) telah menyatakan bahawa keluarga *binuclear* terbentuk akibat penceraian sebuah keluarga asal terbahagi kepada dua iaitu *Maternal Nuclear Family* dan *Paternal Family*. Keluarga nuklear sebelah ibu dikenali sebagai *Maternal Nuclear Family* ianya diketui oleh ibu untuk menguruskan hal-hal keluarga, manakala *Paternal Family* diketui oleh bapa untuk menguruskan hal keluarga. Namun begitu, setiap keluarga dianggotai oleh anak-anak hasil daripada perkahwinan dan keluarga asal mereka cuma ianya diketuai sama ada ibu atau bapa tunggal atau ibu bapa hasil daripada perkahwinan kedua ibu atau bapa.

Ibu tunggal merupakan antara golongan yang kurang mendapat perhatian daripada pihak berkuasa. Istilah bagi golongan wanita yang telah berpisah atau kematian suami dikenali sebagai janda, balu, atau ibu tunggal. Namun istilah yang

akan digunakan dalam kajian ini adalah ibu tunggal. Menjadi seorang ibu tunggal pelbagai liku-liku dan cabaran yang terpaksa dilalui oleh ibu tunggal dalam meneruskan kehidupan mereka selepas ketiadaan dan kematian suami di sisi. Apatah lagi bagi mereka yang terpaksa menanggung anak-anak yang masih kecil dan anak remaja yang bermasalah. Keadaan ini akan bertambah sulit sekiranya pekerjaan tetap tidak mampu diperolehi (Yahya, 2001).

Kisah ibu tunggal ini banyak didengari dan seringkali dipaparkan oleh media cetak dan media massa tetapi sejauh manakah kesedaran masyarakat dalam menghulurkan bantuan kepada golongan istimewa ini. Sebaliknya apa yang berlaku sekarang, masyarakat sering memberikan pandangan yang sinis dengan pelbagai taggapan negatif kepada golongan ibu tunggal (Noorzila, 1997). Kebanyakan wanita yang ditinggalkan atau kematian suami dan masih mempunyai anak kecil, memilih untuk tinggal dengan keluarga mereka kerana yakin anak-anaknya akan terpelihara dengan selamat (Utusan Malaysia, 2000).

Fenomena ibu tunggal bukanlah sesuatu yang baru dalam masyarakat kita. Tetapi, sejak beberapa tahun kebelakangan ini, ia menjadi satu topik yang mengundang perbincangan bila kita bercakap tentang wanita dan keluarga. Tambahan pula, dugaan dan cabaran kepada para ibu tunggal pada masa kini menjadi semakin kuat sehingga menyebabkan masalah mereka menjadi semakin meruncing sehingga menimbulkan pelbagai masalah emosi kepada golongan ini. Fenomena ibu tunggal ini tidak hanya memberi kesan kepada wanita yang terbabit tetapi juga kepada anak-anak yang dibawah jagaannya. Oleh itu, sewajarnya keluarga ini dapat membantu untuk menghadapi segala cabaran yang melanda dan ibu tunggal perlu bertegas dalam membangunkan ahli keluarga.

Sifat ketegasan diri atau tingkah laku tegas diri bukanlah merupakan suatu sifat semulajadi yang sedia terdapat pada diri seseorang individu. Sebaliknya, sifat ini merupakan suatu keupayaan dan kemahiran yang boleh dipelajari melalui latihan tegas diri (Zaidi, 2002). Perkataan tegas diri berasal dari perkataan Inggeris iaitu “Assertive” yang bermaksud melahirkan pendapat dengan tegas. Terdapat jenis orang yang suka mendesak orang lain dan ada juga orang yang mempunyai sifat sendiri yang rendah. Ia akan mengakibatkan pelbagai masalah psikologi dan kurang bertenaga. Ahli-ahli psikologi menggunakan latihan tegas diri iaitu gabungan teknik perlakuan dan psikoterapi untuk membangunkan keperluan kemahiran sosial untuk mengurus situasi antara manusia secara efektif. Kebanyakan orang agak sukar bercakap di dalam situasi yang konflik (Williams, 2000).

Tingkah laku tegas diri juga boleh membantu seseorang menghilangkan rasa malu, sedih dan selain itu juga tingkah laku tegas diri melibatkan kemampuan seseorang menyatakan perasaannya kepada orang lain sama ada berbentuk positif atau negatif dengan cara yang sesuai di samping menghormati hak-hak orang lain (Hamdan, 2007). Secara umumnya, tingkah laku tegas diri dimaksudkan sebagai kebolehan seseorang menggunakan hak-hak sebenar terhadap dirinya dengan sebaik mungkin dan tanpa mengganggu hak-hak orang lain malah menghormatinya. Dalam hubungan dengan orang lain seseorang diharapkan dapat berperilaku tegas diri ertinya seseorang mampu mengeksperisikan dirinya secara terbuka tanpa menyakiti atau melanggar hak-hak orang lain, mahupun mempertahankan hak dan meningkatkan ketahanan di dalam situasi interpersonal melalui suatu ekspresi perasaan atau keinginan (Zuraini, 2008).

Tegas diri diri ialah keupayaan seseorang individu menyatakan apa yang ada dalam fikirannya sama ada positif atau negatif. Individu yang bersikap tegas diri dapat menyatakan sesuatu perkara melalui dua cara iaitu lisan dan bukan lisan. Manakala mesej yang dinyatakan secara berterus terang dan ianya mudah difahami

oleh penerima mesej tersebut, penerima mesej tersebut akan merasa selesa dan dihormati. Mereka yang tergolong dalam golongan tegas diri amat menghormati hak orang lain. Contohnya menghormati idea, perasaan dan keperluan orang lain.

Ibu tunggal yang tidak memiliki tingkah laku yang tegas diri akan mengalami tekanan kerana mereka tidak dapat meluahkan apa yang dirasakan. Sesetengah daripada mereka merasa malu untuk menceritakan tentang kisah diri mereka kerana bimbang mereka akan dikeji atau dihina oleh masyarakat. Kesan tekanan ke atas ibu-ibu tunggal banyak bergantung kepada ciri-ciri dan sikap individu itu bagaimana untuk mengatasinya. Hakikatnya, tekanan tidak boleh dihalang atau dielakkan oleh manusia kerana kita tidak boleh lari dari tekanan. Kebanyakan tekanan dalam kalangan ibu tunggal ini adalah berpunca daripada masalah yang terlampau berat untuk digalas seperti tanggungjawab selepas ketiadaan suami. Oleh itu, sedikit sebanyak ianya turut menjejaskan kehidupan harian dan sekaligus tekanan tersebut akan menyebabkan seseorang mendapat tekanan jiwa.

Tekanan yang dialami oleh ibu tunggal sering menjadi isu hangat yang selalu diperkatakan dalam kalangan masyarakat kita pada hari ini. Isu tekanan ibu tunggal memang telah lama wujud sehinggakan terdapat sesetengah pihak memandangkan isu ini sebagai suatu isu hangat. Menerusi akhbar Utusan Online pada 26 Mac 2010, Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor telah mencadangkan supaya satu kajian yang terperinci mengenai permasalahan yang menimbulkan tekanan dalam kalangan ibu tunggal perlu dilaksanakan bagi mewujudkan program yang sesuai untuk membantuu golongan berkenaan.

Oleh yang demikian, sebagai seorang ibu tunggal yang bekerja dan memiliki kerjaya mereka seharusnya memiliki tingkah laku yang tegas diri supaya dapat menghasilkan mutu kerja yang lebih berkualiti serta dapat mengatasi masalah

tekanan di tempat kerja. Sebagai seorang ibu tunggal yang bekerja mereka seharusnya lebih profesional supaya tidak mencampuradukkan masalah pribadi dengan masalah di pejabat. Masalah yang terdapat dalam diri akan mempengaruhi tingkah laku ketika berada di pejabat. Sekiranya seorang ibu tunggal yang tidak dapat menyesuaikan diri dengan suasana dan situasi yang baru setelah ketiadaan suami atau perceraian dapat mengancam dirinya dan lama-kelamaan akan mendatangkan tekanan. Ini jelas menunjukkan ketidadaan sikap dan tingkah laku yang tegas diri boleh merosakkan sistem daya tahan diri. Kenyataan ini disokong oleh Luthan (2002), bahawa tekanan sering membawa banyak salah fungsi seperti kecelaruan fizikal, prestasi yang rendah, ketidakhadiran kerja, kemalangan dan kesetiaan yang rendah kepada organisasi.

Dari aspek fisiologi, seseorang yang menghadapi tekanan akan mengalami penyakit seperti sakit kepala, sakit jantung, hilang selera makan dan kurang daya tahan kepada penyakit. Manakala dalam bentuk tingkah laku, ianya akan menunjukkan perubahan ketara kepada keluarga dan kerja. Misalnya pekerja yang mengalami tekanan akan sentiasa banyak melakukan kesilapan dalam pekerjaannya, sering resah, melakukan sesuatu tanpa tujuan sebenar dan boleh menceburkan diri dalam perbuatan yang boleh membahayakan diri seperti cubaan membunuh diri (Giga, Cooper, dan Faragher, 2003). Berdasarkan kajian Robbins (2001) yang telah menyatakan bahawa tekanan akan memberi kesan kepada psikologi iaitu individu akan selalu berasa bimbang, cepat marah, bosan, berkelakuan agresif, gelisah atau takut, mempunyai perasaan yang dirinya tidak lengkap dan merasakan mempunyai harga diri yang rendah dan tidak dapat menumpukan kepada kerja.

Oleh yang demikian, setiap manusia tidak terlepas daripada mengalami tekanan dalam kehidupan. Individu yang mengalami tekanan seringkali akan mengalami kekecewaan dan kehilangan sesuatu atau mengalami ketakutan dan tidak kepastian. Oleh sebab itu, tanpa pengurusan tekanan yang betul boleh menyebabkan

tekanan yang serius, bahkan boleh mengancam hidup seseorang individu itu. Ini kerana tekanan boleh menyebabkan bebanan lampau peranan iaitu ditakrif sebagai tahap prestasi seseorang pekerja dilihat mendapat kesan akibat masa, latihan dan sumber yang tidak mencukupi. Ini juga akan menyebabkan pekerja akan menggunakan kaedah kerja yang mendatangkan risiko (Dessler, 2002).

1.2 Latar Belakang Kajian

Tekanan perasaan mampu menyumbang kepada ketidakstabilan emosi bagi golongan ibu tunggal dan anak-anak mereka. Keseimbangan dan kestabilan emosi amat penting bagi ibu tunggal terutamanya dalam konteks pembesaran anak-anak dan kesediaan untuk berdepan dengan perubahan yang berlaku dari semasa ke semasa. Bagi ibu tunggal yang kehilangan suami akibat kematian, mereka terpaksa menyesuaikan diri dengan situasi yang baru atau dengan kata lain kehilangan tempat bergantung, orang yang dicintai, teman suka dan duka. Manakala, bagi mereka yang bercerai pula, mereka terpaksa mengisi 'kekosongan' yang ditinggalkan oleh bekas suami. Situasi begini menyebabkan mereka terpaksa memainkan peranan sebagai ibu dan juga bapa dan ini akan menambahkan lagi tekanan golongan ini sekiranya pihak bekas suami tidak membayar nafkah bagi membantu menyara anak-anak.

Keadaan ini akan menjadi lebih teruk sekiranya ibu tunggal menghadapi masalah dengan pihak mahkamah semasa membuat tuntutan nafkah mahupun harta sepencarian. Proses penceraian, tuntutan nafkah, harta dan sebagainya yang mengambil masa panjang akan menambahkan lagi kos di samping terpaksa berdepan dengan prosedur yang rumitkan. Oleh itu, ibu tunggal perlu bersedia dan kuat untuk menghadapi situasi sebegini. Cabaran yang besar untuk ibu tunggal

membentuk sistem dan pengurusan emosi yang baik supaya masalah-masalah sebegini tidak melemahkan mereka dan anak-anak.

Ibu-Ibu Tunggal yang bekerja mahupun yang tidak bekerja seringkali menghadapi pelbagai cabaran dan masalah. Bukan sahaja dari segi emosi, malahan juga dari segi kedudukan ekonomi, psikologi mahupun sosial (Jones, 2002). Isu tekanan dalam kalangan ibu tunggal yang telah bercerai, janda dan juga belum bercerai. Tekanan dalam kalangan ibu tunggal ini masing-masing turut dirasai walaupun mereka bekerja atau tidak bekerja. Ibu-ibu tunggal sering menghadapi pelbagai masalah, sama ada dari segi ekonomi, psikologi mahupun sosial (Jones, 2002). Isu ini lebih dikaitkan dengan ibu tunggal bercerai, janda dan juga ibu tunggal belum bercerai. Sebelum proses perceraian, kehidupan mereka bergantung sebahagian besar atau sepenuhnya kepada pendapatan suami. Sumber pendapatan selalunya menjadi isu utama kerana ibu-ibu tunggal kini hilang pergantungan kewangan dan terpaksa menghadapi hakikat untuk menanggung kos kehidupan dan anak-anak secara bersendirian.

Memegang status ibu tunggal bukan sekadar memaksa seseorang wanita menyara keluarga, tetapi juga menjadi ketua rumah. Di samping keluar berkerja demi mencari sesuap nasi, dalam masa yang sama terpaksa pula menguruskan anak-anak tanpa bantuan sesiapa. Malah, ada yang menapak dari satu agensi kebajikan ke satu agensi kebajikan untuk mendapatkan bantuan bagi meringankan beban yang ditanggung. Lebih pahit lagi, bukan sahaja permintaan tidak dilayan, bahkan terpaksa pula berdepan dengan pelbagai umpat keji dan tohmahan. Akibatnya, kebanyakan wanita malu untuk mengakui status sebagai ibu tunggal walau telah bertahun dicerai atau ditinggal suami tanpa sebarang khabar berita. Menyedari masalah yang dihadapi, persatuan-persatuan ibu tunggal di seluruh negara telah menubuhkan Majlis Pertubuhan Ibu-ibu Tunggal Malaysia (Saad, 2000).

Azizi (2008), telah menyentuh mengenai emosi akan menyebabkan keadaan tidak seimbang daripada segi fizikal dan akan menjejaskan tingkah laku anak-anak mereka. Kajian oleh Jeanne (2003), telah membincangkan kesan perceraian serta faktor yang mampu menyumbang kepada psikologi. Beliau melihat kepada kesan positif dan negatif daripada perceraian ibu bapa mereka. Oleh itu, isu perceraian tidak boleh dipandang remeh kerana ia melibatkan permasalahan emosi antara anak-anak dan ibu itu sendiri. Pengurusan emosi yang baik mampu memberi ruang dan peluang bagi ibu tunggal untuk mengambil tindakan yang bijak dalam membuat keputusan.

Walaupun perceraian pada kebanyakan masa dijanjikan nafkah oleh pihak suami namun ramai ibu tunggal turut menghadapi masalah dalam tuntutan nafkah atau menerima nafkah yang tidak mencukupi. Dengan jelasnya, walaupun dengan adanya pemberian nafkah daripada pihak suami, isu keselamatan, dan isu kewangan adalah satu isu utama dalam kehidupan ibu tunggal. Isu kedua pula adalah masalah tempat tinggal. Keadaan ini kerap dialami oleh ibu tunggal janda dan ibu tunggal tanpa bercerai (Wan Halim Othman, 2003).

Seperti mana yang kita tahu, golongan ibu tunggal menghadapi pelbagai masalah. Ia meliputi masalah stigma, konflik peranan, ekonomi, emosi, hubungan dengan anak-anak, dengan mahkamah dan bekas suami. Stigma atau anggapan buruk masyarakat terhadap mereka yang bergelar janda merupakan hambatan mental yang terbesar untuk mereka bergerak bebas dalam masyarakat. Pengambilalihan tugas-tugas suami di samping melaksanakan tugas yang sedia ada sebagai ibu, seringkali menimbulkan konflik peranan kepada golongan ini, sedangkan sokongan bagi mereka, baik dari segi kewangan, mahupun emosi, amat sedikit sekali.

Masalah ekonomi merupakan cabaran utama golongan ibu tunggal. Bagi isteri yang selama ini merupakan suri rumahtangga, bukanlah sesuatu yang mudah untuk mereka memasuki pasaran buruh. Keadaan menjadi lebih buruk jika mereka tiada kelayakan yang sesuai. Sekiranya mereka mendapat kerja, siapa pula yang akan menjaga anak-anak mereka? Masalah penjagaan anak ini perlu diselesaikan, mungkin dengan menghantar mereka untuk dijaga oleh orang lain, yang juga memerlukan perbelanjaan. Makanya, untuk menyelesaikan masalah ini ramai ibu tunggal yang memilih untuk bekerja atau berniaga sendiri.

Sebagai pencari rezeki yang tunggal, majoriti ibu tunggal berpendapatan kecil. Sumber kewangan yang terhad menghadkan pilihan mereka. Ini tergambar dalam keadaan rumah yang sempit dan kurang selesa. Itu belum dikira keperluan lain seperti makanan dan pakaian. Ini menyebabkan golongan ini hanya mampu menikmati kualiti hidup yang rendah. Dunia masa kini, setiap individu memerlukan tingkah laku tegas diri yang tinggi dalam memastikan setiap kerja mereka dapat menghasilkan mutu kerja yang baik. Sebagai seorang ibu tunggal yang bekerjaya mereka amat memerlukan sikap tegas diri yang tinggi untuk memberikan komitmen yang cemerlang terhadap prestasi kerja dan untuk organisasinya.

Menurut peraturan Skrip Tegas Diri (DESC) yang diperkenalkan oleh Bower dan Bower 1976, individu yang bertingkah laku tegas diri akan berupaya untuk menjelaskan tingkah laku individu lain secara objektif, meluahkan perasaan secara tenang dan sabar, menentukan apa yang diinginkan serta menjelaskan sebab akibat jika menolak ataupun menerima perubahan sesuatu tingkah laku itu. Pembinaan tingkah laku yang tegas diri dan komitmen terhadap kerja mereka dapat dibangunkan melalui pengendalian sesi rawatan dalam bentuk latihan tegas diri. Oleh yang demikian, penerapan tingkah laku tegas diri adalah sangat penting terutamanya dalam kalangan ibu tunggal yang bekerja. Hal ini kerana, mereka terpaksa berhdapan

dengan orang ramai dan akan menempuhi pelbagai situasi, dan pada masa itu ibu tunggal yang bekerja perlulah lebih bersikap professional.

Tambahan pula kehidupan pada hari ini kian mencabar dan kompleks telah menyebabkan sindrom tekanan sering memburu manusia dan ianya merupakan sebahagian daripada hidup manusia dari dahulu hingga sekarang yang telah banyak berubah mengikut peredaran masa. Sebenarnya tekanan saling berkait rapat dengan kehidupan manusia dari segi gaya hidup, perwatakan seseorang, keluarga, kejutan persekitaran hidup yang mendadak. Tiada siapa yang terkecuali daripada berhadapan dengan tekanan. Namun begitu, menurut Hamdan Abd. Kadir dan Mohd Taib Dora (2006), tekanan dapat memberi kesan positif dan negatif pada diri individu itu dan ianya turut bergantung kepada bagaimana mereka boleh mengendalikan dan mengurus tekanan tersebut yang melanda diri mereka.

Suatu ketika dahulu, wanita yang kehilangan suami dikatakan janda dan tidak diberi penghormatan. Tetapi, keadaan kini sudah berubah. Berikutan dengan arus kemodenan, wanita yang kehilangan suami dan juga bercerai diberi pengiktirafan, tetapi mereka masih terpaksa barlawan dengan pelbagai masalah hidup dalam meneruskan kehidupan mereka selepas ketiadaan suami di sisi. Apatah lagi bagi mereka yang terpaksa menanggung anak-anak yang masih kecil dan anak remaja yang bermasalah. Keadaan ini akan bertambah sulit sekiranya pekerjaan tetap tidak mampu diperolehi.

Kini, sudah ramai pihak yang memandang serius ke atas golongan ibu tunggal. Pelbagai pertubuhan dan persatuan ibu tunggal yang telah ditubuhkan bagi menjaga hak dan memberi bantuan kepada golongan ibu tunggal yang mengalami tekanan setelah berlakunya penceraian atau kematian pasangan mereka. Sebagai salah sebuah badan dan persatuan bagi ibu tunggal, C.A.R.E tidak ketinggalan untuk

tampil ke hadapan bagi membantu nasib para ibu tunggal sama ada mereka bekerja atau tidak mahupun mereka yang bekerja tetap mahupun tidak mempunyai pendapatan tetap.

Berdasarkan daripada statistik yang dibuat oleh Jabatan Perangkaan Negara telah menyatakan bahawa pada tahun 2000 Negeri Johor merupakan negeri yang ketiga tertinggi mencatat bilangan ibu tunggal iaitu sebanyak 14,790 orang daripada 126,810 orang di seluruh negeri. Oleh sebab itu, tidak salahlah jika banyak persatuan dan pertubuhan untuk para golongan ibu tunggal yang kini kian tumbuh bagaikan cendawan tumbuh selepas hujan. Namun begitu, jumlah ibu tunggal yang berdaftar dengan Pertubuhan Ibu Tunggal C.A.R.E ialah seramai 1468 orang ibu tunggal pada tahun 2011, diikuti pula pada tahun 2012 ialah seramai 1158 orang dan pada tahun 2013 pula seramai 5422 orang ibu tunggal yang berdaftar dengan Pertubuhan Ibu Tunggal C.A.R.E Negeri Johor.

Peningkatan bilangan ibu tunggal di negeri ini semakin meningkat dari tahun ke tahun. Peningkatan dari segi pertambahan jumlah bilangan ibu tunggal telah mendorong kepada pengkaji untuk menjalankan kajian terhadap ibu tunggal ini. Maklumat yang diperolehi daripada Pertubuhan Ibu Tunggal C.A.R.E Negeri Johor mengenai statistik ibu tunggal ialah seperti di Jadual 1.1. Data-data tersebut telah dikumpul sejak dari tahun 2011 hingga tahun 2013.

Jadual 1.1 Jumlah Ibu Tunggal Di Negeri Johor Bagi Setiap Daerah

DAERAH	TAHUN		
	2011	2012	2013
Johor Bharu	307	543	2293
Muar	132	88	641
Batu Pahat	166	109	1687
Segamat	35	16	288
Kluang	68	27	105
Pontian	96	19	79
Kota Tinggi	242	102	38
Mersing	66	96	116
Ledang	59	101	59
Kulai Jaya	297	57	110
JUMLAH	1468	1158	5422

(Sumber : *Statistik Pertubuhan Ibu Tunggal C.A.R.E Negeri Johor*)

Berdasarkan daripada jadual di atas menunjukkan jumlah ibu tunggal bagi setiap daerah di Negeri Johor, dan di dapati bahawa daerah yang mencatat bilangan paling tinggi ialah di daerah Johor Bharu iaitu seramai 5422 orang dan jumlah bilangan ibu tunggal semakin meningkat dari tahun 2011 hingga ke tahun 2013. Oleh sebab itu, pengkaji amat cenderung untuk mengkaji kes ibu tunggal di daerah ini. Selain itu, terdapat juga statistik yang berkaitan dengan jumlah ibu tunggal mengikut umur di Johor Bharu seperti yang tertera pada jadual 1.2.

Jadual 1.2: Jumlah Ibu Tunggal Mengikut Umur Di Johor Bharu

KATEGORI UMUR	TAHUN		
	2011	2012	2013
20 tahun ke bawah	25	143	657
21 tahun hingga 40 tahun	89	150	876
41 tahun hingga 50 tahun	85	150	265
51 tahun hingga 60 tahun	54	65	350
60 tahun ke atas	54	35	135
JUMLAH	307	543	2293

(Sumber : Statistik Pertubuhan Ibu Tunggal C.A.R.E Negeri Johor)

Sehubungan dengan itu, maklumat mengenai punca-punca utama yang menyebabkan seseorang individu menjadi ibu tunggal juga turut diperolehi daripada C.A.R.E. Punca-punca utama telah terbahagi kepada empat (4) faktor iaitu, *kematian, penceraian, berpisah (bukan Melayu), dan faktor-faktor lain*. Data-data tersebut dapat dilihat daripada Jadual 1.3 seperti yang tertera di bawah.

Jadual 1.3: Faktor Penyebab Terjadinya Kes Ibu Tunggal di Johor Bharu

PUNCA	TAHUN		
	2011	2012	2013
Kematian	120	146	588
Penceraian	133	180	1000
Berpisah	34	58	460
Faktor-faktor lain	20	150	245
JUMLAH	307	543	2293

(Sumber : *Statistik Pertubuhan Ibu Tunggal C.A.R.E Negeri Johor*)

Berdasarkan daripada jadual di atas, jelas menunjukkan bahawa faktor utama terjadinya seseorang individu sebagai ibu tunggal adalah disebabkan oleh penceraian. Sementara itu, punca akibat daripada kematian suami juga turut menjadi faktor penyumbang kepada seseorang individu menjadi ibu tunggal. Menurut Wan Janiah selaku Setiausaha kepada pertubuhan ini, beliau menjelaskan bahawa punca-punca yang di sebabkan oleh berpisah tersebut adalah terdiri daripada kaum yang bukan Islam yang tidak mempunyai Sijil Pernikahan atau sebagainya yang memperakui status perhubungan antara seorang wanita dan lelaki.

Hasil temubual pengkaji bersama Setiausaha Pertubuhan Ibu Tunggal C.A.R.E Negeri Johor iaitu Puan Wan Janiah beliau turut menyatakan bahawa segelintir ibu tunggal yang berdaftar bersama pertubuhan C.A.R.E ini banyak mengalami tekanan, tekanan pada emosi mereka. Setelah menjalani sesi kaunseling ke atas mereka, barulah mereka menyedari bahawa mereka perlu mempunyai semangat jati diri yang kuat bagi melawan situasi yang sering mencengkam fikiran

mereka. Para golongan ibu tunggal amat memerlukan kaunseling yang tinggi bagi membantu mereka untuk positifkan kembali fikiran dan emosi mereka.

Menurut beliau lagi, individu atau ibu tunggal yang mengalami perceraian mereka merasa agak tertekan dan agak malu untuk berhadapan dengan masyarakat. Hal ini kerana, bagi mereka perkataan bercerai sudah cukup untuk menjadikan diri mereka seorang yang hina dan mempunyai kelakuan yang buruk sehinggakan suami sanggup melepaskan mereka. Sikap dan fikiran mereka yang agak radikal dan sempit ini telah menyebabkan mereka menjadi malu dan kurang untuk berkomunikasi dengan masyarakat kerana bimbang akan dimalukan oleh pihak-pihak lain. Bagi mereka yang menjadi ibu tunggal akibat daripada kematian pula, telah menyebabkan mereka menjadi terlalu pasif dan sukar untuk bergaul dengan sesiapa sahaja. Hal ini kerana, mereka terasa keseorangan dan terasing akibat hilang tempat bergantung.

Sehubungan itu, beliau juga turut menjelaskan bahawa golongan para ibu tunggal yang berdaftar di C.A.R.E atau di mana-mana pertubuhan lain segelintirnya mereka tidak tahu bagaimana untuk mempertahankan hak mereka, tidak mampu untuk meluahkan perasaan mereka. Kebiasaannya yang menjadi permasalahan utama bagi mereka ialah apabila soal anak yang dipertikaikan oleh keluarga mertua atau bekas suami. Melalui permasalahan ini, jelas menunjukkan bahawa tingkah laku yang tegas diri dapat membendung masalah tekanan dalam kalangan ibu tunggal yang tidak bekerja mahupun yang bekerja.

Bagi memperkukuhkan dan membuktikan lagi permasalahan yang timbul dalam kalangan ibu tunggal yang bekerja di C.A.R.E, seorang balu yang mempunyai empat orang anak yang berusia 6 tahun, 5 tahun, 4 tahun, dan 2 tahun iaitu Puan Wan Rohani Bin Wan Hitam, 35 tahun telah ditemubual. Hasil daripada temu bual tersebut beliau telah menyatakan bahawa setelah kematian suaminya kehidupannya

menjadi terlalu tekanan kerana telah hilang punca dan tempat bergantung. Beliau hanyalah bekerja sebagai pencuci tandas yang hanya berpendapatan RM800 sebulan dan menanggung anak-anak yang masih lagi kecil. Bebanan yang ditanggung oleh beliau menjadi cukup berat setelah ketiadaan suaminya terutamanya dari segi kewangan. Bukan sahaja bebanan kewangan tetapi beliau juga terpaksa berhadapan dengan tohmahan dan cacian daripada sanak saudaranya kerana beliau seringkali ingin meminjam wang untuk kegunaan hariannya. Hari-hari yang beliau lalui penuh dengan tekanan dan beremosi.

Selain itu, hasil temubual bersama Puan Farhana Binti Mohd Lazim, 35 tahun seorang Pegawai Eksekutif di salah sebuah syarikat terkemuka di Johor Bharu turut mendaftarkan dirinya dalam pertubuhan ini adalah untuk mendapat khidmat kaunseling dan nasihat daripada pakar-pakar bagi membantunya yang mengalami tekanan setelah bercerai dengan suaminya setahun yang lalu. Walaupun sudah setahun lebih beliau bercerai namun tekanan yang dialaminya masih lagi terasa apabila hak penjagaan ke atas anak telah diberikan kepada bekas suaminya. Beliau telah menyatakan bahawa perasaan rindu kepada anak-anaknya sering mengganggu tugas hariannya. Komitmen beliau kepada organisasi juga turut terjejas akibat dek pencerai ini, beliau sentiasa dimarahi oleh majikan dan juga di pandang serong oleh sesetengah rakan sejawatnya. Keadaan ini menimbulkan rasa tahap tekanan yang tinggi dalam dirinya.

Selain daripada membuat temubual, pengkaji juga telah mendapatkan maklumat hasil daripada kajian yang dibuat sendiri oleh pertubuhan ini. Berdasarkan daripada kajian oleh pihak Pertubuhan Ibu Tunggal C.A.R.E Negeri Johor ke atas golongan ibu tunggal yang berdaftar dengan pertubuhan ini telah menunjukkan bahawa sikap atau tingkah laku mereka yang sering beremosi, cepat marah dan terlalu sensitif telah membuatkan mereka semakin tertekan dengan kehidupan mereka. Ramai ibu tunggal yang berdaftar dengan pertubuhan ini kerana mereka

inginkan khidmat kaunseling dan ingin membiasakan diri untuk menjalani hidup seperti seorang yang normal setelah kehilangan orang yang tersayang. Ada juga dalam kalangan mereka memerlukan khidmat kaunseling ini adalah untuk mengurangkan rasa tekanan yang melanda diri mereka.

Sehubungan dengan itu juga, hasil kajiannya juga menunjukkan bahawa golongan ini sukar sukar untuk menjadi seorang yang tegas dan sukar untuk mempertahankan pendirian mereka. Mereka lebih banyak mendiamkan diri, memendam rasa, dan sukar untuk meluahkan apa yang terbuku di firasat mereka. Mereka lebih rela maruah mereka dipermainkan dan dipijak-pijak oleh sesetengah pihak atau bekas suami. Oleh sebab itu, pihak pertubuhan ini seringkali melatih para ibu tunggal sama ada yang bekerja atau tidak bekerja supaya lebih bersikap tegas diri dalam segala hal. Menurut mereka, dengan cara begini ianya mampu menjauhkan diri mereka daripada berlakunya sindrom tekanan.

1.3 Pernyataan Masalah Kajian

Sebagai salah sebuah pusat pertubuhan perlindungan bagi golongan ibu tunggal yang telah mengalami perpisahan atau kematian suami, C.A.R.E juga tidak ketinggalan berhadapan dengan masalah-masalah dan perubahan sosial yang dialami oleh golongan ini. Hal ini dibuktikan apabila pihak pertubuhan ini sendiri telah menjalankan satu sesi ujian kaunseling ke atas golongan ibu tunggal yang bekerja melalui satu sesi seminar orientasi kepada yang baru berdaftar dengan pertubuhan ini. Tujuan ujian kaunseling ini adalah untuk mengenalpasti masalah-masalah dan perubahan sosial yang dialami oleh mereka. Seminar ini lebih memfokuskan kepada golongan ibu tunggal yang bekerja sahaja, kerana populasi bagi golongan yang bekerja lebih ramai daripada yang tidak bekerja. Di samping itu juga, golongan ibu

tunggal yang bekerja lebih memiliki tahap tekanan yang tidak stabil dan tinggi, dan mereka lebih memerlukan kestabilan hidup yang positif untuk memainkan peranan dwifungsi di dalam keluarga mereka Joanah (2011). Jadual 1.4 menunjukkan jenis dan bilangan kes yang dihadapi oleh golongan ini setelah menjadi ibu tunggal. Jadual ini juga merupakan laporan kes yang telah dikutip oleh pihak pertubuhan ini pada tahun 2012. Situasi ini jika tidak dibendung, boleh menyebabkan seseorang itu menjadi bertambah tertekan dengan kehidupan mereka.

**Jadual 1.4 : Jenis dan Bilangan Kes Sosial Ibu Tunggal
Yang Bekerja**

Bil.	Jenis Masalah / Perubahan Sosial	Jumlah Kesalahan
1.	Konflik peranan / Hilang keyakinan diri dan harga diri	15
2.	Hilang tumpuan kerja : <ul style="list-style-type: none"> • Cuai/Leka dalam menguruskan tugas • Ponteng kerja • Prestasi kerja menurun 	8
3.	Mengalami sakit yang berpanjangan: <ul style="list-style-type: none"> • Sakit Jantung, Darah Tinggi 	4
4.	Masalah psikologi: <ul style="list-style-type: none"> • Murung , Cepat marah, pemarah, pendiam, phobia 	2
5.	Terlibat dengan perbuatan negatif : <ul style="list-style-type: none"> • Cubaan untuk membunuh diri • Minum minuman keras ; Arak 	
6.	Kesalahan jenayah di Mahkamah Syariah – Kes khalwat	1
7.	Terlibat dengan kesalahan jenayah di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952	2
Jumlah		40

(Sumber : Unit Kaunseling Pertubuhan Ibu Tunggal C.A.R.E, 2013)

Merujuk kepada Jadual 1.4 di atas, golongan ibu tunggal yang bekerja ini perlu diberi motivasi dan kaunseling secukupnya bagi memastikan diri mereka kembali normal dan positif dengan persekitaran kehidupan mereka yang baru ini. Hasil dari ujian kaunseling ini juga menyarankan agar pihak kerajaan, NGO, Badan-badan berkanun, dan juga masyarakat perlu membantu dan merancang pelbagai latihan atau mekanisme bagi menangani isu dan permasalahan mengenai tingkah laku ibu tunggal yang bekerja ini. Antaranya adalah dengan memberi perhatian kepada pembentukan tingkah laku positif dalam diri mereka. Selain itu juga, pembentukan tingkah laku yang positif ini juga dapat menjadi seorang ketua keluarga dan pekerja yang cemerlang.

Menurut pengkaji-pengkaji lepas, seperti Azizi (2005) telah menyifatkan tingkah laku adalah sebagai sebahagian daripada elemen sikap bagi seseorang individu. Manakala pula, menurut Ihmaamie dan Wan Suryati (2008) menyatakan bahawa pembentukan sesuatu sikap bukanlah sesuatu yang diwarisi secara genetik, tetapi ianya dibentuk selepas kelahiran di dunia. Beberapa faktor penting seperti pengalaman hidup, sosialisasi dan kesan pendedahan yang berpanjangan boleh mempengaruhi pembangunan sesuatu sikap manusia.

Sehubungan itu juga, Gillen (1997) juga telah menjelaskan bahawa terdapat empat jenis tingkah laku manusia yang memperlihatkan perbezaan mengenai bagaimana mereka berinteraksi dan berkomunikasi dengan orang lain; iaitu tingkah laku pasif, tingkah laku pasif-agresif, tingkah laku agresif dan tingkah laku tegas diri. Kenyataan ini telah diperakui oleh Harris (1967) yang terkandung di dalam penulisan Caputo (1984) yang turut menjelaskan bahawa kedudukan tingkah laku manusia terbahagi kepada empat bahagian iaitu; tidak tegas (pasif), tegas diri, agresif dan pasif-agresif. Walau bagaimanapun, terdapat juga pandangan yang menyatakan bahawa tegas diri kebiasaannya dibincangkan dengan dua lagi mod tingkah laku,

iaitu tingkah laku agresif, dan tingkah laku pasif (Shaw dan Rutledge, 1976; Noraini, 2001; dan Llyod, 2002).

Manakala agresif pula adalah merujuk kepada tingkah laku yang mengeneipkan hak orang lain, tingkah laku pasif pula membenarkan hak diri sendiri diketepikan, manakala tegas diri adalah tingkah laku di mana seseorang berdiri untuk mempertahankan hak diri sendiri dan pada masa yang sama menghormati dan mengambilkira hak orang lain (Shaw dan Rutledge, 1976).

Merujuk kepada jenis-jenis tingkah laku yang dinyatakan, pengkaji telah memilih tingkah laku tegas diri sebagai salah satu pembolehubah kajian. Ini adalah kerana ciri-ciri positif yang terdapat dalam individu yang tegas diri iaitu kemampuan meluahkan perasaan, memperkatakan sesuatu yang positif mengenai diri sendiri pada waktu yang bersesuaian, menghormati dan mengalu-alukan orang lain, menerima pujian, mempamerkan riak wajah yang sesuai, menyatakan tidak setuju secara halus, bertanya dan meminta penjelasan, meluahkan pandangan secara aktif dan mempertahankan hak individu (Bower dan Bower, 1991), secara rasionalnya dapat membentuk seseorang ibu tunggal yang bertingkah laku positif, dan mampu menjalankan peranan dwifungsi dengan berkesan dan cemerlang.

Tambahan pula, menurut Caputo (1984), tingkah laku tegas diri bukanlah genetik atau semula jadi untuk jenis-jenis personaliti tertentu, tetapi merupakan tingkah laku yang boleh dipelajari melalui amalan yang mudah, penilaian dan adaptasi. Justeru, latihan-latihan yang menjurus kepada pembentukan sikap tegas diri seharusnya disediakan supaya ibu-ibu tunggal yang bekerja ini dapat memulihkan kembali permasalahan yang ada diri mereka. Oleh itu, tegas diri dijadikan sebagai suatu elemen bagi pemulihan diri ke arah menjadi individu yang mempunyai sikap ketegasan diri.

Kekurangan kesedaran dan pendedahan mengenai tingkah laku tegas diri dan kepentingannya diperakui oleh Hamdan dan Umi Habibah (2008), di mana menurut mereka, di Malaysia bidang tegas diri kurang dikaji. Oleh itu, pembuat-pembuat dasar, badan bukan kerajaan, pengajian tinggi dan kaunselor disaran bersama-sama berganding bahu dan menggembling tenaga bagi mengambil kira keperluan latihan tegas diri ini sama ada dengan penggubalan dasar mahupun merangka program tegas diri dalam kepelbagaian aspek. Menurut mereka program-program berunsurkan latihan tegas diri perlu dilaksanakan secara berterusan bagi meningkatkan tahap tegas diri. Sehubungan itu, pengkaji berpendapat kajian ini akan menyumbang kepada pengembangan dan penerokaan ilmu dalam bidang tegas diri khususnya dalam membantu golongan ibu tunggal yang mengalami masalah setelah kematian atau perpisahan suami.

Jika berbicara secara makro, masalah atau tekanan yang paling utama dan sering dihadapi oleh ibu tunggal adalah kemiskinan atau kurangnya pembiayaan untuk menghadapi keperluan hidup sehari-hari. Tambahan pula, bagi ibu tunggal yang memiliki pendapatan yang tidak tetap seringkali tertekan apabila terpaksa memenuhi keperluan hidup yang semakin meningkat dan bertambah. Kebanyakan ibu tunggal harus menjadi sumber kewangan yang utama kepada isi keluarganya. Secara psikologi, menurut Davidson dan Moore (1996), tahap tekanan mereka meningkat apabila mereka memiliki imej diri yang buruk, mempunyai pandangan yang negatif terhadap masa depan mereka, dan tidak mempunyai sokongan sosial daripada masyarakat sekeliling.

Tekanan merupakan satu penyakit yang sering dikaitkan dengan kesihatan mental dan kerap menyerang masyarakat pada hari ini. Kehidupan manusia pada alaf ini amat mencabar dan kompleks. Kepelbagaian dan kekompleksian kehidupan ini menyebabkan munculnya “Sindrom Baru” yang menyerang manusia iaitu tekanan atau lebih dikenali sebagai “Tekanan”. Menurut Hatta Sidi dan Mohamed Hatta

Shaharom (2002), tekanan merupakan sebahagian daripada kehidupan manusia sejak dahulu lagi tanpa disedari. Ia berubah wajah mengikut peredaran masa. Tekanan bukanlah suatu perkara yang asing bagi masyarakat negara ini. Tekanan biasanya dialami oleh semua manusia apabila berada dalam keadaan yang tidak menyeronokkan.

Masalah-masalah yang dihadapi oleh golongan ibu tunggal ini telah menyebabkan mereka menjadi lebih tertekan. Hal ini telah mendorong mereka untuk melakukan pelbagai tingkah laku yang negatif bagi menghilangkan rasa tekanan mereka tersebut. Ujian kaunseling yang dilaksanakan di pertubuhan ini juga mendapati ibu tunggal yang bekerja lebih memiliki tahap tekanan yang tinggi kerana mereka terpaksa memainkan peranan yang besar sebagai seorang ibu dalam masa yang sama juga sebagai seorang pekerja. Perubahan kehidupan mereka membuatkan mereka menjadi lebih sukar untuk meneruskan perjalanan hidup tanpa seorang suami yang dahulunya menjadi tunjang dalam keluarga.

Kesimpulannya, dalam konteks kehidupan tingkah laku tegas diri menjadikan seseorang individu sentiasa mempraktikkan amalan-amalan kehidupan dan pekerjaan yang positif, kurang mengalami tekanan di tempat kerja mahupun di rumah, mampu menangani konflik sebaik mungkin, jujur dengan diri sendiri dan orang lain serta mempunyai matlamat kehidupan yang jelas. Situasi sedemikian sudah tentu memberi kesan positif kepada produktiviti kerja yang menuntut kepada tahap kecekapan dan keberkesanan yang tinggi. Sebagai seorang ibu tunggal yang berjaya dan juga seorang pekerja yang memiliki sikap ketegasan diri dengan mudahnya memberikan kerjasama, sokongan padu, bertolak ansur dan memiliki komitmen yang tinggi untuk membantu meningkatkan taraf kehidupan mereka setelah ketiadaan suami dan secara tidak langsungnya mampu mencapai objektif organisasinya.

Justeru itu, kajian mengenai hubungan tingkah laku tegas diri dengan tekanan dalam kalangan ibu tunggal ini adalah amat relevan untuk dilaksanakan. Ini sejajar dengan hasrat pihak kerajaan untuk membantu golongan ibu tunggal bukan sahaja dari segi kewangan malahan juga dari segi mental dan fizikal bagi memantapkan diri mereka ke arah kehidupan yang lebih positif setelah ketiadaan dan kehilangan tempat bergantung. Hasil kajian boleh membantu pihak kerajaan, NGO, dan badan-badan berkanun untuk membuat perancangan dan strategi yang lebih mantap untuk membantu golongan ini daripada mengalami tekanan hidup. Selain itu, ia juga dapat membantu golongan ini menjadi lebih positif dan memiliki pemikiran yang terbuka. Pemantapan dalam perancangan untuk membantu golongan ibu tunggal ini adalah untuk melahirkan ibu tunggal yang bebas daripada tekanan dan meningkatkan sikap positif dengan memiliki pemikiran yang terbuka walaupun telah hilang punca tempat bergantung, dan ianya juga selaras dengan Cogan Kata Pertubuhan Ibu Tunggal C.A.R.E iaitu "*Bersama Membina Kesejahteraan Ibu Tunggal*".

1.4 Persoalan Kajian

Berpandukan kepada permasalahan kajian iaitu Hubungan Tingkah Laku Tegas diri Dengan Tekanan Dalam Kalangan Ibu Tunggal Bekerja telah mencetuskan beberapa persoalan ke atas penyelidikan yang dijalankan. Antaranya adalah seperti berikut:-

- 1.4.1 Apakah tahap tingkah laku tegas diri dalam kalangan ibu tunggal bekerja?
- 1.4.2 Apakah tahap tekanan dalam kalangan ibu tunggal bekerja?
- 1.4.3 Adakah terdapat hubungan di antara dimensi-dimensi tingkah laku tegas diri dengan tekanan dalam kalangan ibu tunggal bekerja?
- 1.4.4 Adakah terdapat hubungan di antara tingkah laku tegas diri dengan dimensi-dimensi tekanan dalam kalangan ibu tunggal bekerja?
- 1.4.5 Apakah dimensi tingkah laku tegas diri yang paling dominan mempengaruhi tekanan dalam kalangan ibu tunggal bekerja?

1.5 Matlamat Kajian

Penyelidikan yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk menentukan hubungan tingkah laku tegas diri dengan tekanan dalam kalangan ibu tunggal yang bekerja. Pengkaji amat mengharapkan agar hasil kajian ini dapat menyumbangkan dan membantu persatuan dan pertubuhan yang berkaitan untuk merangka program yang berkaitan untuk membantu golongan ibu tunggal ini dalam berhadapan dengan situasi tekanan. Diharapkan juga hasil kajian ini dapat membantu golongan ini mempertingkatkan lagi tingkah laku tegas diri dalam diri mereka untuk menghadapi tekanan yang berkemungkinan akan melanda diri mereka.

1.6 Objektif Kajian

- 1.6.1 Menenalpasti tahap tingkah laku tegas diri dalam kalangan ibu tunggal bekerja.
- 1.6.2 Menenalpasti tahap tekanan dalam kalangan ibu tunggal bekerja.
- 1.6.3 Menenalpasti terdapat hubungan di antara dimensi-dimensi tingkah laku tegas diri dengan tekanan dalam kalangan ibu tunggal bekerja.
- 1.6.4 Menenalpasti terdapat hubungan di antara tingkah laku tegas diri dengan dimensi-dimensi tekanan dalam kalangan ibu tunggal bekerja.
- 1.6.5 Menenalpasti dimensi tingkah laku tegas diri yang paling dominan mempengaruhi tekanan dalam kalangan ibu tunggal bekerja.

1.7 Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian ialah menyatakan andaian jawapan kepada persoalan kajian (Mohd Najib, 2003). Hipotesis nul dalam kajian yang diuji bagi tujuan menjelaskan pernyataan dan persoalan kajian dengan lebih spesifik dan keterangannya adalah seperti berikut:-

- Ho1** : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tingkah laku tegas diri dengan tekanan dalam kalangan ibu tunggal bekerja.
- Ho2** : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara dimensi tingkah laku tegas diri *Kemampuan Mempertahankan Pendirian (KP)* dengan tekanan dalam kalangan ibu tunggal bekerja.
- Ho3** : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara dimensi tingkah laku tegas diri *Keupayaan Untuk Menghormati (KH)* dengan tekanan dalam kalangan ibu tunggal bekerja.
- Ho4** : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara dimensi tingkah laku tegas diri *Kemampuan Meluahkan Perasaan (KL)* dengan tekanan dalam kalangan ibu tunggal bekerja.
- Ho5** : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara dimensi tingkah laku tegas diri *Kebarangkalian Melakukan Kesilapan (KS)* dengan tekanan dalam kalangan ibu tunggal bekerja.
- Ho6** : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara dimensi tingkah laku tegas diri *Kemahiran Berkomunikasi (KK)* dengan tekanan dalam kalangan ibu tunggal bekerja.

Ho7 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tingkah laku tegas diri dengan dimensi tekanan (*Psikologikal*) dalam kalangan ibu tunggal bekerja.

Ho8 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tingkah laku tegas diri dengan dimensi tekanan (*Fisiologikal*) dalam kalangan ibu tunggal bekerja.

Ho9 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tingkah laku tegas diri dengan dimensi tekanan (*Tingkah laku*) dalam kalangan ibu tunggal bekerja.

Ho10 : Dimensi-dimensi tingkah laku tegas diri bukan merupakan faktor kepada tekanan dalam kalangan ibu tunggal bekerja.

1.8 Skop kajian

Kajian ini adalah memfokuskan kepada golongan ibu tunggal yang bekerja. Sehubungan demikian pengkaji telah memilih tempat kajian ialah di Pertubuhan Ibu Tunggal C.A.R.E Negeri Johor Darul Takzim. Responden yang dipilih hanyalah terdiri daripada golongan ibu tunggal bekerja tanpa menghadkan umur, tahap pendidikan, pekerjaan, mahupun jumlah pendapatan.

1.9 Batasan Kajian

Kajian ini adalah berbentuk kuantitatif dan hanya mempunyai dua pembolehubah sahaja iaitu pembolehubah bersandar dan pembolehubah bebas. Daripada hasil dapatan kajian ini digunakan ke atas golongan ibu tunggal yang bekerja sahaja sama ada mempunyai pendapatan tetap atau tidak tetap. Segala maklumat yang diberikan oleh para responden akan dirahsiakan daripada pengetahuan umum.

Penyelidikan ini akan menggunakan instrumen *Rathus Assertiveness Schedule* untuk mengukur tahap tegas diri dan untuk pengukuran tekanan pula, pengkaji akan menggunakan soal selidik tekanan kepada setiap ibu tunggal yang bekerja. Batasan reka bentuk kajian adalah berkisar kepada kajian yang akan dijalankan bagi mengenalpasti aspek tingkah laku tegas diri dan tahap tekanan sahaja. Kesahan dan kebolehpercayaan pula adalah bergantung kepada keikhlasan dan kejujuran maklumbalas yang diberikan oleh responden.

1.10 Kepentingan Kajian

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengukur hubungan tingkah laku tegas diri dengan tekanan dalam kalangan ibu tunggal bekerja. Kajian yang dijalankan ini, secara tidak langsung dapat dijadikan sebagai salah satu cara untuk meningkatkan lagi tahap tingkah laku tegas diri dan mengurangkan tekanan dalam kalangan ibu tunggal yang memiliki kerjaya ini. Hal ini kerana, penurunan tahap tekanan dalam diri mereka secara tidak langsungnya dapat memberikan impak yang positif dalam

diri mereka. Mereka akan lebih bersikap terbuka dan professional dalam membuat keputusan dan melaksanakan sebarang tindakan. Mereka akan lebih cepat menyesuaikan diri dengan suasana dan situasi yang baru dan juga tidak malu untuk berhadapan dengan masyarakat.

Kajian ini juga dapat memberikan saranan dan panduan ke arah tingkah laku tegas diri yang tinggi untuk membina komitmen yang tinggi terhadap kerja mereka. Selain itu, tingkah laku tegas diri mampu mengatasi sebarang permasalahan dan sebarang konflik yang melanda diri mereka sama ada secara langsung atau tidak langsung. Teori Tingkah Laku Tegas diri menganggap bahawa setiap individu mempunyai hak untuk dihormati, meluahkan perasaan, mudah untuk berkomunikasi, mampu untuk mempertahankan pendirian, dan mudah untuk mengelakkan daripada cepat merasa cemas apabila berhadapan dengan sesuatu konflik. Manakala, jika dirujuk pula melalui Peraturan Skrip Tegas diri DESC oleh Bower (1976) pula merangkumi ciri-ciri menjelaskan segala tindakan secara objektif, meluahkan tingkah laku, menentukan apa yang diinginkan serta menerima setiap perubahan tingkah laku yang dibuat.

Kepentingan kajian yang akan dijalankan ini juga dapat menjadi sumber rujukan kepada pelbagai pihak termasuklah pihak pengkaji dan pertubuhan-pertubuhan dan persatuan-persatuan yang membela nasib para ibu tunggal.

1.11 Definisi Konseptual

Bahagian ini membentangkan definisi konseptual beberapa istilah iaitu tingkah laku tegas diri, tekanan, dan ibu tunggal bekerja.

1.11.1 Tingkah laku Tegas diri

Menurut Bernette (2000), tegas diri adalah kebolehan menyatakan pendapat, perasaan, sikap dan hak secara jujur tanpa kebimbangan tanpa melanggar hak-hak orang lain. Manakala menurut Noraini Ahmad (2001) tegas diri bermaksud keupayaan menyatakan tidak kepada sesuatu permintaan yang boleh mengakibatkan kesan yang buruk dan sebagainya. Seseorang dapat dikatakan sebagai tegas diri apabila ia mampu menegakkan hak-hak peribadi dengan cara mengekspresikan akal fikiran, perasaan dan keyakinan yang ada dalam dirinya dengan cara langsung melalui lisan yang dilakukan dengan jujur tanpa mengabaikan hak orang lain.

Sikap tegas diri dapat membantu perhubungan antara individu dan mempertingkatkan persefahaman dengan menyelarikan tingkah laku lisan dengan bukan lisan ketika berkomunikasi, membuat dan menilai permintaan, memberikan dan menerima pujian serta dalam menyatakan pendapat. Melalui sikap tegas diri seseorang individu lebih bertanggungjawab terhadap apa yang berlaku dan tahu mengawal keadaan serta tidak melibatkan unsur-unsur emosi.

Tingkah laku tegas diri melibatkan perlakuan manusia atau sikap individu. Walaubagaimanapun, tingkah laku tegas diri juga melibatkan kawalan minda atau akal kerana tingkah laku manusia berpunca dari penjanaan akal. Penjanaan akal secara radikal, sistematik, universal dan terkawal akan memungkinkan akal digunakan dengan cara menyeluruh dan bersepadu ke arah mencari dan memperoleh kesejahteraan di dunia dan akhirat (Mohd Azhar Abd. Hamid, 2003).

1.11.2 Tekanan

Tekanan bermaksud perbuatan menekan atau mendesak untuk melakukan sesuatu atau menanggung beban yang berat dan sukar (Kamus Dewan, 2000). Tetapi tekanan membawa pengertian yang berbeza mengikut individu. Setiap orang mempunyai persepsi tersendiri mengikut situasi. Situasi yang dialami adalah mungkin akan membawa tekanan kepada seorang individu dan kemudian akan bertindak untuk menanganinya sendiri (Jamaludin, Anne John Michael, Saroja Krishnaswamy, Tamil Selvan Muthusamy dan Khalid, 2005).

Selain itu, menurut Hatta Sidi dan Hatta Shaharom (2002), Tekanan merupakan satu tindak balas minda dan fizikal yang terhasil daripada permintaan atau cabaran mengikut keadaan dan tempat. Tekanan melibatkan perasaan subjektif dimana ia dapat diterima dengan baik pada peringkat awal tetapi kelama-lamaan ianya menjadi pencetus kepada pelbagai penyakit jiwa. Ini boleh berlaku tanpa mengira batas umur dan ianya adalah permasalahan yang sering kait dalam kehidupan manusia didunia. Jika dilihat Lorenzo, Joshua, Massimiliano dan Federica (2008), mengaplikasikan bahawa tekanan adalah tindakbalas fizikal, mental dan emosi terhadap ancaman. Tekanan boleh menjadi bernilai sihat sekiranya seseorang

itu memfokuskan kepada keperluan kritikal dan mendorong pembelajaran yang baik dalam mengatasi tekanan. Manakala tekanan akan menjadi niali yang kurang sihat sekiranya ianya menyebabkan kemerosotan tahap kesihatan dan mental individu itu yang boleh menyumbang kepada penyakit, kemurungan dan mengurangkan tindakbalas fizikal.

Kesimpulannya tekanan adalah gangguan psikologi dan fisiokologi yang berlaku akibat persekitaran, organisasi dan individu itu sendiri. Gangguan psikologi adalah merujuk gangguan emosi, fikiran dan tingkah laku disebabkan ketidakupayaan untuk memenuhi permintaan kepada dirinya sendiri manakala gangguan fisiologi adalah ketegangan yang boleh menjejaskan kesihatan atau pertahanan badan seseorang itu.

1.11.3 Ibu Tunggal Bekerja

Menurut Kamus Dewan (2000:475), ibu ditakrifkan sebagai seorang yang melahirkan kita. Manakala perkataan tunggal pula bermaksud satu-satu atau tidak ada yang lain (2000:1493). Oleh itu, rangkai kata ibu tunggal walaupun tidak terdapat dalam *Kamus Dewan* secara khusus namun ia boleh difahami sebagai wanita yang berperanan menjaga, memlihara anak-anak dengan seorang diri tanpa seorang lelaki (Abd. Rahim Abd. Rashid, Sufean Hussin, Che Hashim Hassan, 2006). Manakala, Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu (YPKT) telah mendefinisikan ibu tunggal sebagai wanita yang telah kematian suami dan sedia meneruskan tugas membesarkan anak-anak, wanita yang telah bercerai dengan suami dan diberi hak penjagaan ke atas anak-anaknya. Selain itu, ibu tunggal juga ditakrifkan sebagai wanita yang tidak diberi nafkah oleh suami untuk menyara

hidupnya dan anak-anaknya dan ianya juga merupakan wanita yang berada di dalam proses penceraian (yang mungkin akan mengambil masa yang panjang). Suami uzur dan tidak mampu menyediakan nafkah dan memerlukan penjagaan rapi. Wanita yang membesarkan anak orang lain tanpa pertolongan suami.

Ibu tunggal adalah wanita yang berseorangan tanpa suami dan bertanggungjawab mendidik anak-anak dengan menjalankan dwifungsi iaitu sebagai penyara dan pengurus keluarganya. Ia meliputi mereka yang mendapat anak tanpa pernikahan yang sah dan mendidiknya bersendirian, isteri yang telah berpisah dengan suami dan menjaga anak-anak setelah ditinggalkan dan isteri yang bercerai hidup atau mati dan tinggal dengan anak-anaknya bersendirian.

Manakala, ibu tunggal bekerja ialah bermaksud seorang wanita yang ketiadaan suami tetapi mempunyai kerjaya dan pendapatan bulanan tidak kira sama ada pendapatan yang tetap atau tidak tetap (Salome, 2002).

1.12 Definisi Operasional

Bahagian ini menghuraikan mengenai definisi operasi daripada beberapa istilah iaitu tingkah laku tegas diri, tekanan dan ibu tunggal.

1.12.1 Tingkah Laku Tegas diri

Dalam kajian ini, penyelidik akan menumpukan kepada sifat-sifat tegas diri yang ada pada setiap golongan ibu tunggal yang bekerja. Selain itu, ia juga akan melihat sejauhmana golongan para ibu tunggal ini mampu mengenyahkan segala kritikan, menghadapi masalah-masalah kerja yang besar dengan mampu menyatakan hak atau pendapat dan berkata tidak terhadap perkara-perkara yang tidak mampu diselesaikan. Skor alat ukur tegas diri Rathus (1973) menerangkan pengertian hak-hak dan disokong oleh Caputo (1984), Makin dan Lindley (1991), Gillen (1997), Back dan back (1999) dan Abdullah (2005) dan telah disesuaikan mengikut keperluan kajian. Elemen-elemen yang terdapat di dalam tingkah laku tegas diri telah dihuraikan seperti di dalam jadual 1.5 yang tertera di bawah.

Jadual 1.5 : Dimensi-Dimensi Tingkah Laku Tegas diri

Bil.	Dimensi	Keterangan
1	Kemampuan Mempertahankan Pendirian (KP)	Adalah kemampuan untuk saling menyatakan 'tidak' dan menerima 'tidak' sebagai jawapan, iaitu merupakan hak untuk mempertahankan prinsip/pendirian sendiri dan orang lain. Seseorang individu itu mampu berinteraksi dengan individu lain serta perihatin terhadap apa yang ingin diperkatakan dan mengambil berat kehendak serta perasaan orang lain. Ia juga melibatkan sejauhmana interaksi yang dijalankan dapat mencapai apa yang dikehendaki dan menyatakan pendirian dengan tenang dan tegas

Bil.	Dimensi	Keterangan
2	Keupayaan Untuk Menghormati (KH)	Adalah keupayaan untuk saling menghormati orang lain. Seseorang individu itu mampu mempertahankan hak diri sendiri dan tidak akan melakukan sesuatu sehingga mengganggu dan mengabaikan hak orang lain. Ini akan terjadi apabila rasa hormat timbul dalam diri. Individu yang tegas diri akan menyatakan hak pendiriannya dengan cara yang betul termasuklah menyatakan kehendak, keperluan, perasaan dan idea sendiri.
3	Kemampuan Meluahkan Perasaan (KL)	Adalah kemampuan untuk saling berperasaan dan meluahkan perasaan. Seseorang individu itu mampu memahami dan meluahkan perasaan secara berani. Luahan ini adalah secara terus dan jujur, di samping mengambilkira kepercayaan dan keinginan sendiri dalam meluahkan perasaan. Ia juga melibatkan pernyataan perasaan, idea dan kepercayaan tanpa menghina, merendahkan, memperkecilkan dan menyalahkan orang lain.
4	Kebarangkalian Melakukan Kesilapan (KS)	Adalah kebarangkalian untuk saling melakukan kesilapan dan menerima kenyataan bahawa individu lain juga melakukan kesilapan. Seseorang itu mampu mempertahankan haknya dengan cara berterus terang walaupun dirinya menghadapi risiko atas tindakannya itu. Kadangkala tindak tanduknya juga tidak disenangi oleh orang lain.
5	Kemahiran Berkomunikasi (KK)	Adalah kemahiran untuk saling bertanya soalan dan menerima pertanyaan daripada individu lain, iaitu hak untuk saling berkomunikasi dengan orang lain. Seseorang individu itu sanggup bertanya atau mengadu tentang ketidakpuasan dengan syarat maklumat yang ingin ditanyakan atau diadukan adalah jelas komprehensif serta mudah untuk difahami. Ia juga melibatkan kemampuan untuk menjelaskan sesuatu yang benar tanpa menafikan sesuatu yang lain.

1.12.2 Tekanan

Dalam mengkaji tahap tekanan dalam kalangan ibu tunggal yang bekerja pengkaji akan menggunakan Model Tekanan Robbin (2001). Model ini mensasarkan kepada simptom-simptom tekanan yang dikategorikan kepada tiga aspek utama iaitu fisiologi, psikologi dan tingkah laku.

i. Aspek Fisiologi

Kajian ini merujuk kepada aspek fisiologi dalam kalangan ibu tunggal yang bekerja yang lebih merujuk kepada keletihan, perasaan tidak bermaya, masalah penyakit yang dihadapi, kekurangan tidur dan ketegangan fikiran.

ii. Aspek Psikologi

Kajian ini merujuk keadaan seperti murung, mudah marah, pemberian respon yang negatif kepada rakan sekerja, tidak memperdulikan orang lain dan rasa rendah diri dalam kalangan rakan sekerja dan masyarakat.

iii. Tingkah laku

Tingkah laku dalam kajian ini merujuk kepada tindakan negatif yang dilakukan dalam kalangan ibu tunggal yang bekerja seperti cuai dalam melaksanakan tugas, murung, tidak professional dan tidak proaktif sehingga menyebabkan berlakunya menurunnya mutu prestasi kerja.

1.12.3 Ibu Tunggal Bekerja

Ibu tunggal yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah merupakan golongan ibu tunggal bekerja yang berdaftar di Pertubuhan Ibu Tunggal Negeri Johor (C.A.R.E). Di dalam kajian ini, golongan ibu tunggal ini adalah mereka telah ketiadaan suami, penceraian dan melahirkan anak tanpa suami. Selain itu, ibu tunggal yang bekerja ini juga telah ditakrifkan sebagai golongan ibu tunggal yang memiliki pendapatan tetap atau tidak tetap.

1.13 Rumusan

Pengkaji berminat untuk mengkaji hubungan tingkah laku tegas diri dengan tekanan dalam kalangan ibu tunggal bekerja ini adalah merupakan kesinambungan daripada kajian-kajian yang lepas yang telah dibuat ke atas ibu tunggal. Selain itu, kajian ini juga bertujuan supaya dapat digunakan sebagai rujukan kepada pihak yang bertanggungjawab dalam mengendalikan permasalahan dan membantu golongan ibu tunggal selaras dengan saranan isteri perdana menteri, Datin Seri Rosmah Mansor (Utusan Online 26 Mac 2010) telah menyarankan supaya memperbanyakkan dan mempelbagaikan lagi kajian-kajian ke atas ibu tunggal.

Tingkah laku tegas diri perlu diamalkan oleh setiap ibu-ibu tunggal tidak kiralah yang bekerja mahupun tidak bekerja. Ini adalah bertujuan untuk menjadikan diri mereka lebih professional untuk berhadapan dengan masyarakat dan mudah menyesuaikan diri dengan pelbagai situasi dan tekanan peredaran arus semasa yang semakin mencabar dan agresif dalam mengejar kemajuan ekonomi.

RUJUKAN

- Abd. Rahim Abd Rashid, Sufean Hussin, dan Che Hashim Che Hassan, (2006). *Krisis dan Konflik Rumah Tangga..* Kuala Lumpur: Golden Book Centre Sdn. Bhd.
- Andy Field and Graham Hole, (2003). *How to Design and Report Experiments.* Great Britain: SAGE Publication Ltd.
- Akbari, B., Mohamadi, J. and Sadeghi, S. (2012). *Effect of Assertiveness Training Methods on Self-Esteem and General Self-Efficacy Female Students of Islamic Azad University, Anzali Branch, Iran*, Journal of Basic and Applied Scientific Research, 2(3) 2265-2269.
- Amiruddin Omar, (2002). *Tahap Stres Wanita Yang Bekerjaya. Satu kajian di Bank CIMB Group Kuala Lumpur:* Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azila Ab. Bakar, (2001). *Stres dan Kemampuan Diri Mempertahankan Hak Dalam Kalangan Janda di Jabatan Pembangunan Wanita Selangor:* Universiti Malaya.
- Azizi Yahaya (2005). *Aplikasi Kognitif Dalam Pendidikan.* Pahang: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Azizi Yahaya et. Al, (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan – Teori, Analisis & Interpretasi Data.* Kuala Lumpur : PTS Professional.
- Azizi Hj. Yahaya. 2008. *Pembentukan Personaliti Remaja.* Johor: Sekudai: Universiti Teknologi Malaysia.

- Berita Harian. 2003. *Usaha Lindungi, Tingkat Status Ibu Tunggal*. 4 April 2003. 4 April.
- Bernett, V. (2000). *The Book of Virturer. A Treasury of Great Moral Stories*. New York: Simon and Schuster.
- Birch, C. (2000). *Assertive Your Self*. Kuala Lumpur: Golden Book Centre Sdn. Bhd.
- Birch, C. (2000). *Asserting Your Self: How to Feel Confident About Getting More from Life*, Kuala Lumpur: Golden Books Centre Sdn. Bhd.
- Blanchard & Thacker (2004). *Effect Training System, Strategies and Practices*. Pearson Prentice Hall.
- Caputo, J.S. (1984). *The Assertive Librarian*. Canada: The Oryx Press
- Chakraborty, M. (2009). Importance of Assertiveness at the Workplace: A Case Study, *IUP Journal of Soft Skills*. Vol. 3 Issue 3/4, p12-18. 7p.
- Chua Lee Chuan, (2005). *A Critical Review of Commitmen Studies: A Call for Research In Sarawak School Settings*. Jurnal Penyelidikan MPBL, Jilid 6, 2005.
- Chua Yan Piaw, (2006). *Kaedah Dan Statistik Penyelidikan: Buku I Kaedah Penyelidikan*. Malaysia: McGaw Hill.
- Deborah J. Jones et al. 2003. *Co Parent Conflict In Single Mother-Headed African American Families: Do Parenting Skills Serve As A Mediator Of Child Psychosocial Adjustment?. Behavior Therapy*. Vol 34: Page 259-272.

Earl Babbie, (2007). *The Practice of Social Research 11th edition*. United States of America: Thomson Wadsworth.

Hair J.F., Money A.H., Samouel p & Page M. (2007). *Research Methods for Business*.England: John Wiley & Sons,Ltd

Hamdan Abd. Kadir, (2007). *Tingkah Laku Asertif Di Kalangan Ibu Tinggal, Satu Kajian Eksperimental*, Tesis Doktor Falsafah: Universiti Teknologi Malaysia, Ms.187.

Hamdan Abd. Kadir (2007). *Kesan Latihan Ketegasan Terhadap Tegas Diri dan Konsep Kendiri di Kalangan Ibu Tunggal di Johor Bahru*. Doktor Falsafah (Bimbingan dan Kaunseling), Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.

Hamdan Abdul Kadir dan Umi Habibah Abd Rani (2008). *Kesan Latihan Asertif Terhadap Tegas Diri di Kalangan Ibu Tunggal Yang Berpendapatan Tetap*. Penerbit UTM, Johor, pp. 25-44. ISBN 978-983-52-0700-6.

Hamdan Abdul Kadir dan Abdul Rahim Mustiman (2010). *Tingkah Laku Asertif Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Lima Aliran Sains dan Sastera di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Bentara Dalam, Segamat, Johor*, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.

Hanizie Ab. Rahman, (2005). *Stres Dalam Kalangan Ibu Tunggal Yang Berpendapatan Tidak Tetap di Negeri Sembilan*: Universiti Kebangsaan Malaysia

Harriet, P. (2006). *Strategies Used by Black Single Mother Against Stres*.The Review Black Political Economy, Vol 14: issues of 2 – 3, pp 153-166.

Hemming, M.;Morgan S. and O'Halloran, P(1999). "*Assertive Outreach Implications for The Development of The Model In The United Kingdom*". Journal of Mental Health. 8. 141 – 147.

Ibrahim Mamat, (2006). *Reka Bentuk Dan Pengurusan Latihan Konsep Dan Amalan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Jon M Werner dan Randy L. Desimone, (2006). *Human Resource Development 4th edition*. USA: Thomson South-Western.

John Samuel (2013). *The Mediating Effects of Empowerment, Interpersonal, Conflict and Social Supports on The Violence – PTSD process among Single Mother Canadian*. Journal of Community Mental Health.

Kamus Dewan. (3rd ed.). (2000). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa danPustaka.

Kamsiah Mazlan, (2008). *Tahap Stres Wanita Bekerja di Jabatan Pelajaran Negeri Selangor*: Universiti Malaya.

Kavitha Raman (2001). *Hubungan antara Asertif dan Konsep Kendiri Di Kalangan Pekerja. Satu Kajian Kes di Maybank Kluang*. Projek Ijazah Sarjana Muda yang Tidak Diterbitkan. Universiti Teknologi Malaysia.

Lailawati Mohd. Salleh (2005). High/Low Context Communication: The Malay Style, *Proceedings of the 2005 Association for Business Communication Annual Convention*.

Lilley Ezati Ag. Embong, (2011). *Pengurusan Stres Wanita Bekerja di Lembaga Hasil Dalam Negeri Sarawak*: Universiti Malaysia Sarawak.

Miller, and Stamford. S, (2007). *Stress and Working? What it's level*. Journal of Mental Health.

- Mohd Zaidi, (2008). *Kesan Latihan Asertif Ke Atas Dimensi-Dimensi Konsep Kendiri Di Kalangan Pegawai Pertengahan Kumpulan Pendidikan YPJ Johor Bharu*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Noraini Ahmad. (2001). *Asertif dan Komunikasi*. Utusan Publications and Distributors. Kuala Lumpur.
- Norizan dan Shamsudin, (2010). *Stres Dalam Kalangan Ibu Tunggal*. Jurnal Psikologi 20
- Norly Mazlan (2003). *Tingkah Laku Asertif dan Gaya Kepimpinan Di Kalangan Pekerja*: Universiti Teknologi Malaysia
- Nur Sabrina Bahrom, (2010). *Hubungan Antara Tingkah Laku Asertif Dengan Komitmen Terhadap Organisasi: Satu Kajian Kes Di Kalangan Pembantu Perawatan Kesihatan Di Hospital Sultanah Aminah Johor Bharu*: Universiti Teknologi Malaysia.
- Nursalim, (2005). *Strategi Konseling*. Surabaya: Unesa University Press
- Othman Mohamed, (2001). *Penulisan Tesis Dalam Bidang Sains Sosial Terapan*. Kuala Lumpur: Universiti Putra Malaysia.
- Pallant, J. (2010). *SPSS Survival Manual, A Step by Step Guide to Data Analysis Using the SPSS Program (4th ed.)*. McGraw-Hill.
- Paul, H., Guadagno M. (2006). *Assertiveness and Communication Skill among Single Mother*. Journal of American Science. 7(12).
- Postgraduate Research Methodology Module, for Internal Teaching and Learning Use Only, Centre for Post Graduate Studies, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.*

Pronovost P.J (2004). *Nursing Management*. John Hopkins University

Public Works Administration (2003). Retrieved from the world wide web 4/2/03.

<http://www.charlottesville.org/default.asp?>

Rachmawati, Ike Kusydyah, (2008). *Manajemen Sumber Daya Manusia*. Yogyakarta

Rathus, S.A. (1973). *A 30-item Schedule for Assessing Assertive Behavior*. *Behavior Therapy*. 4, 398-406.

Rathus, S.A. *A 30-item Schedule for Assessing Assertive Behavior*. (April 23, 1984). *This Week's Citation Classic*. *Behavior Therapy*, 4, 398-406, 1973.

Rohaty Mohd Majzud dan Muhammad Rais Abd. Karim. (2001). *Ibu Tunggal Menelusuri Rintangan Hidup dengan Keyakinan*. Selangor: Pelanduk Publications

Sabitha, M, (2006). *Persepsi Pelajar Institiut Pengajian Tinggi Terhadap Tingkah Laku Devian di Tempat Kerja*. *Jurnal Pemikir*, Julai/September, 43-58.

Sabitha Marican, (2005). *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. PearsonPrentice Hall, Malaysia

Salome Bronniman, (2002). *The Stress of Single Mothers*. URC Research Santa Clarita, United State (US).

Sidek Mohd Noah, (2002). *Perkembangan Kerjaya: Teori dan Praktis*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Shamsiah Ishak, (2008). *Assertiveness Behavioral Among Workers*: Universiti Malaysia Sarawak.

Shanty Kapoor, (2001). *The Effects of Stress*: Universiti Malaya.

Steven,M dan Joan (2003). *Relation Between Assertive, Passive, and Agresive and Stress Among Working Single Mother*. *Procedia Social and Behavioral Sciences* 5. 1447–1450.

Therese L.Baker, (1999). *Doing Social Research 3rd edition*. United States of America: McGraw-Hill Companies.

Thuaibah @ Suaibah Abu Bakar et al. (2004). *Aktiviti Keusahawanan di Kalangan Ibu Tunggal di Negeri Johor. Johor*: Universiti Teknologi Malaysia.

Williams, C.J (2000). *Being Assertive*. University of Leeds Innovations Ltd.

Young II Kim (200). *The Effects of Assertiveness Training on Enhancing The Social Skills of Adolescents With Visual Impairments*. *Journal of Visual Impairments & Blindness*. May 2003.